

25/08/2003

Pelbagai acara baru perkukuh semangat cintakan negara

Zuraidah Mohamed

KUALA LUMPUR: Sambutan Bulan Kemerdekaan ke-46 menjanjikan satu kelainan, selain menjadi acara sambutan terbesar yang pernah diadakan membabitkan pelbagai acara baru yang menarik dalam usaha meningkatkan patriotisme rakyat.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir, berkata sambutan kemerdekaan kali ini bukan saja bertumpu kepada program Ambang Merdeka, tetapi perarakan yang lebih mesra dan unik.

Beliau berkata, lebih 200,000 orang dijangka membanjiri Dataran Merdeka untuk meraikan Ambang Merdeka Kebangsaan yang dianjurkan kementeriannya.

Katanya, acara yang diatur untuk Ambang Merdeka bertujuan memberikan pemahaman yang lebih terutama kepada generasi muda mengenali erti sebenar merdeka selain menunjukkan rasa cinta kepada negara.

"Persiapan menyambut kemerdekaan kali ini dilakukan dengan bersungguh-sungguh bagi memastikan ada sedikit kelainan berbanding sebelum ini. Walaupun ada sedikit kebimbangan mengenai persiapan yang belum lengkap di Putrajaya, tetapi kita yakin ia dapat disiapkan sebelum sambutan sebenar (31 Ogos).

"Malah, kita berharap rakyat dapat bersatu hati serta turun padang bagi menjayakan sambutan menerusi program Ambang Merdeka yang diadakan di Dataran Merdeka dan acara kemuncaknya di Putrajaya," katanya pada sidang media selepas menyaksikan raptai persembahan Brass-Band dan anggota berkuda Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di Dataran Merdeka, semalam.

Abdul Kadir berkata, antara program Ambang Merdeka termasuk perarakan 100 peserta yang mencatat sejarah dalam Buku Rekod Malaysia antaranya tokoh samudera. Datuk Azhar Mansur; perenang maraton, Malik Mydin; Gabenor Bank Negara, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz dan pemain badminton negara, Cheah Soon Kit.

Katanya, orang ramai juga berpeluang menyaksikan pancaragam dan pertunjukan berkuda DBKL selain aksi luar biasa orang kuat Malaysia, L Jayabarathy yang akan menarik empat kereta menggunakan rambut.

Selain itu, tayangan video khas bertajuk Semangat Merdeka akan disiarkan selama 25 minit bagi mengibas kembali detik bersejarah usaha yang dilakukan Allahyarham Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj yang berjuang bagi menuntut kemerdekaan daripada British.

"Ambang Merdeka akan disambut serentak di seluruh negara dan tepat jam 12 tengah malam pada 30 Ogos, kita berharap 23 juta rakyat Malaysia yang berbilang kaum akan bersama-sama bangun dan meraikannya tidak mengira di mana mereka berada," katanya.

Beliau berkata, selain persembahan artis tempatan, orang ramai juga akan dihiburkan dengan persembahan 460 pemain harmonika yang diiringi orkestra DBKL.

Di sekitar Lembah Klang pula, sambutan Ambang Kemerdekaan turut diadakan di Taman Kuala Lumpur City Center (KLCC), Sunway Lagoon, Bukit Bintang, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Litar Antarabangsa Sepang dan KL Sentral.

Sementara itu, mengenai acara sambutan kemerdekaan yang akan diadakan di Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang dijangka dihadiri kira-kira 300,000 orang, Abdul Kadir mengingatkan orang ramai datang awal, selewat-lewatnya jam 7.30 pagi.

Beliau berkata, perarakan di Putrajaya juga adalah satu penghargaan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, iaitu buat kali pertama diadakan di

sana serta terakhir bagi beliau sebagai Perdana Menteri.